

24/12/1998

Umno hantar misi penerangan

KUALA LUMPUR, Rabu - Ibu Pejabat Umno akan menghantar wakil ke luar negara untuk menjelaskan kepada pelajar Malaysia mengenai perkembangan politik dan usaha kerajaan memulihkan ekonomi.

Setiausaha Agung Umno, Datuk Seri Sabbaruddin Chik, berkata penjelasan dari semasa ke semasa itu perlu kerana pelajar dan rakyat negara ini yang menetap di luar negara tidak mendapat maklumat menyeluruh.

"Wakil dari Ibu Pejabat Umno perlu dihantar kerana mereka yang kini tinggal di luar negara tidak mendapat maklumat yang cukup, khususnya berkaitan isu pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Mereka perlu diberi maklumat dari perspektif kerajaan dan jika tidak, mereka akan terpengaruh dengan laporan media asing yang kurang tepat," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Sabbaruddin yang pulang semalam selepas mengadakan beberapa siri pertemuan dengan pelajar Malaysia di United Kingdom dan Dublin berkata, pertemuan bersemuka itu memudahkan pelajar mendapat penjelasan sebenar.

Menurutnya, pelajar dan rakyat Malaysia di United Kingdom semakin jelas mengenai langkah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, memecat Timbalan Perdana Menteri daripada kerajaan.

Malah, beliau berkata, pemimpin pelajar yang ditemui menyokong keputusan Perdana Menteri itu dan mahu Dr Mahathir tidak mudah mengalah kepada tekanan asing dalam menangani masalah politik dan ekonomi.

(END)